

Prof Dr Shariff dilantik Timbalan Naib Canselor UMS

NS7 28-07-2012 4
OLEH JAINUDIN DJIMIN (jainudin@newsabahtimes.com.my)

LABUAN: Pengarah Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), Profesor Dr Shariff Abdul Kadir Omang Al-Haj dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMS yang baru berkuatkuasa 16 Julai lalu.

Dr Shariff, 56 tahun yang berasal dari Kampung Kolapis, Beluran, Sabah dilantik sebagai Pengarah UMS-KAL pada 12 September 2009 akan menjawat jawatan Timbalan Naib Canselor sehingga

14 Julai 2015.

Beliau yang juga Pensyarah Geologi di bidang Petrologi dan Geologi Struktur pernah menjadi Dekan Sekolah Sains dan Teknologi pada 2005 – 2008 dan Pengarah Pusat KOKurikulum dan Pemajuan Pelajar pada 2002 - 2005.

Jawatan Pengarah UMS-KAL akan dipangku oleh Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Dr Ag Asri Ag Ibrahim berkuatkuasa 18 Julai 2012 sehingga ke satu tarikh yang akan diberitahu kelak.

Majlis serah dan terima tugas jawatan Pengarah UMS-KAL berlangsung di Dewan Theatre, UMS-KAL, pada Kha-



SERAH NOTA.....Prof Dr Shariff (dua kanan) menyerahkan nota tugas Pengarah UMS-KAL kepada Dr Ag Asri diperhatikan Lee (kanan) dan Zamri (kiri)

mis.

Turut menyaksikan majlis itu ialah Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi) Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Lee

Hock Ann dan Timbalan Pendaftar UMS-KAL, Zamri Mohamad Tuah.

Hadir sama ketua-ketua bahagian, pegawai kanan, kakitangan akademik dan bukan akademik UMS-KAL.